

07 MAR 2000

LUCENT-3G

LUCENT TECHNOLOGIES LABUR AS\$15 JUTA MAJUKAN TEKNOLOGI 3G

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Lucent Technologies, penyedia perkhidmatan rangkaian terkemuka di dunia melabur lebih AS\$15 juta untuk membina makmal penyelidikan rangkaian aplikasi wayarles generasi ketiga (3G) yang pertama di Asia Pasifik di sini.

Ini adalah peningkatan gred daripada Sistem Global 2G sedia ada bagi makmal teknologi Mobile Communications (GSM) yang ditubuhkan Mac tahun lalu di pejabat Malaysiannya di KLCC Menara Kembar Petronas.

Ketika mengumumkan perkara itu hari ini, naib pengerusi Lucent, Ben Verwaayen, berkata makmal 3G ini adalah satu-satunya makmal 3G di rantau luar dari Jepun.

Ia menempatkan stesen pangkalan prototaip, stesen mobil dan simulator suis yang membolehkan akses aplikasi pelbagai seperti persidangan video dua hala, melayari Internet dan menonton video berterusan.

Beliau berkata persidangan video, melayari Internet dan menyaksikan video berterusan akan dijalankan serentak bagi satu megabait sesaat akses pelbagai perkakasan kod jaluran lebar (cdma) penghubung udara antara stesen mobil dan stesen pangkalan.

3G adalah generasi selanjutnya teknologi wayarles dengan rangkaian jaluran lebar berkelajuan tinggi yang mempunyai kapasiti menghantar data pada 1MBPS lebih pantas berbanding Sistem Global 2G Generasi Kedua bagi rangkaian Mobile Communications (GSM) yang menghantar data pada kadar lebih rendah 9.6 kilobait sesaat.

Verwaayen berkata makmal 3G ini adalah bukti jelas hasrat Lucent untuk menjadi peneraju dalam membawa teknologi wayarles 3G terbaru bagi asas komersial.

"Dan kami mahu operasi kami di Malaysia menerajui inisiatif ini dan menjadi orang pertama meraih keuntungannya, katanya kepada sidang akhbar tentang rancangan terbaru Lucent di Malaysia.

Scott K.Erickson, naib presiden Wireless Networks Group, rantau Asia Pasifik & China menjangkakan teknologi 3G akan disediakan secara komersial di Asia Pasifik pada pertengahan hingga akhir 2002, tetapi ia akan berada di Jepun setahun lebih awal.

Beliau berkata kurang daripada setahun, Lucent berjaya mendapat kontrak tempahan bernilai AS1.2 bilion dalam jualan penyelesaian komunikasi wayarles merangkumi rangkaian 2G GSM sebelumnya.

"Bagaimanapun, bagi 3G, sukar untuk menentu sekarang berapa banyak jualan dijangkakan daripada produk 3G kerana masih terlalu awal untuk meramalkannya," katanya apabila diminta mengulas mengenai prospek komersial 3G.

Sementara itu, Verwaayen yang juga anggota kekal Panel Penasihat Antarabangsa (IAP), berkata beliau bertemu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membuat cadangan bagi membantu MSC menggunakan teknologi rangkaian data dan suara yang canggih dan moden.

Verwaayen berada di sini untuk menyertai mesyuarat tahunan IAP MSC ketiga selama dua hari di Cyberjaya, bermula hari ini.

Beliau berkata Lucent mempunyai keupayaan unik untuk memberi sumbangan besar kepada prasarana telekomunikasi data dan perangkaian video Malaysia.

"Kami merancang untuk bekerjasama dengan Telekom Malaysia dan pengusaha tempatan lain untuk membina rangkaian abad ke-21 ini bagi MSC dan menawarkan sokongan Bell Laboratories bagi pembangunan, oleh Universiti Multimedia dan firma tempatan lain bagi ciri-ciri "Service Creation" dan

penggunaan khusus," katanya.

Bell Labs adalah cabang penyelidikan dan pembangunan Lucent Technologies yang beribu pejabat di New Jersey, yang antara lainnya, mereka bentuk, membina dan menyediakan rangkaian awam dan swasta, sistem komunikasi dan perisian.

-- BERNAMA

RIZ ZK